

FILIGREE  
DALAM BARANG KEMAS ORANG MELAYU

OLEH  
MAZNI BTE AZIZAN  
(89758360)

DIPLOMA IN FINE METAL DESIGN  
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

SESI 1993/94

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Illahi atas berkat dan limpah kurnianya dan keizinannya maka Tesis ini dapat saya hasilkan.

Di sini ingin saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberikan bantuan dari segi tenaga, sokongan moral dan buah fikiran sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Berkat doa Mak dan Ayah yang telah banyak berkorban, kepada Kak Siti sekeluarga (Abang Din, Wan, Ijat, Wawa dan Fiqah), Abang Man sekeluarga di samping orang baru, Ana, Tah, Yus, Lu dan Adik yang tercinta dan disayangi, terima kasihku yang tidak terhingga buat kalian. Tidak pernah ku lupa teristimewa buat Gee yang banyak membantu perjalanan Tesis dengan iringan kata ku bergai kehadirannya, untuk Et Astie; rakan seperjuangan juga buat Mek dan ayah sekeluarga; segala budi yang dicurahkan oleh kalian semua dibergai sepenuhnya, setulus dan seikhlas tunas kasih selémbut sutera dan harumnya sebarum kasturi.

## SINOPSIS

Dalam dalam tesis ini membuatkan teknik pembuatan barang kemas secara Filigree sebagai barang perhiasan diri dan dunia barang kemas Melayu. Hasil krafongan ini mempunyai ciri-ciri kehalusan, keindahan dan keunikannya yang tersendiri.

Tesis ini mengandungi tujuh bab iaitu Bab 1, menerangkan tentang pengenalan, objektif kajian, kaedah dan permasalahan yang dibadapi semasa membuat kajian.

Dalam Bab 2 pula ianya membincangkan sejarah awal Filigree, sejarah Filigree di Malaysia khususnya di Kelantan serta pengaruh rekabentuk Filigree dalam pembuatan barang kemas Melayu dan definisi Filigree.

Bab 3 menekankan aspek teknik pembuatan dan peralatan yang diperlukan di dalam teknik Filigree, disentuh bahan-bahan yang sering digunakan, proses membuat pateri emas dan perak ala tradisional dan juga proses asas dalam Filigree seperti proses melebur logam, memintal dawai, membuat pasolan, membuat bingkai, proses pengisian, proses memeteri, membuat pin dan penyangkut, proses pengemasan kerja dan proses membersih serta menggilap barang kemas Filigree.

Bab 4 menerangkan aspek rekabentuk Filigree dalam barang kemas, penggunaan motif dan corak dalam Filigree, motif alam semula jadi dan motif peralatan dan permainan tradisional. Motif-motif yang diambil adalah motif alam semula jadi di mana ianya sebagai sumber ilham berpengaruh.

## KANDUNGAN

MULAI SURAT

### BAB 1

1.1	PENGENALAN	1
1.2	OBJEKTIF KAJIAN	4
1.3	KAEDAH KAJIAN	7
1.4	PERMASALAHAN KAJIAN	8

### BAB 2

2.1	SEJARAH AWAL FILIGREE	9
2.2	SEJARAH FILIGREE DI MALAYSIA (KELANTAN)	13
2.3	SEJARAH PENGGUNAAN EMAS DAN PERAK DI MALAYSIA	16
2.4	PENGARUH DALAM REKBENTUK FILIGREE	21
2.5	DEFINISI FILIGREE DALAM BARANG KEMAS	23

### BAB 3

3.1	PERALATAN FILIGREE	25
3.2	BAHAN-BAHAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBENTUK BARANG PERHIASAN DIRI	26
3.3	PROSES MEMBUAT PATERI PERAK DAN EMAS	27
3.3.1	PROSES MEMBUAT PATERI PERAK	27
3.3.2	PROSES MEMBUAT PATERI EMAS	27
3.4	TEKNIK PEMBUATAN DAN PROSES MEMBENTUK FILIGREE	28
3.4.1	PROSES PELEBURAN LOGAM	28
3.4.2	PROSES MEMINTAL DAWAI	29
3.4.3	PROSES MEMBUAT PASOLAN	30

## 1.1 PENGENALAN

Terdapat berbagai teknik dalam pembuatan barang kemas dan salah satu daripadanya ialah teknik 'Filigree' ataupun dikenali juga sebagai teknik karut. Filigree dalam barang kemas adalah pembuatan yang unik kerana ia hanya menggunakan kemahiran tangan petukang-petukang dengan dawai-dawai halus.

Hasil pertukangan mereka ini sangat baik, halus dan cantik. Barang kemas yang dibuat dengan tangan akan hilang keasliannya jika dibuat dengan menggunakan mesin. Mereka lebih gemar membuatnya dengan tangan kerana ia lebih kelihatan cantik, seni dan kemas serta memuaskan biarpun ia hanya rumit dan memakan masa yang agak lama untuk menyiapkannya. Tetapi bagi petukang yang mahir tiada kesulitan atau masalah masa untuk melakukannya.

Dalam pembuatan barang kemas yang menggunakan teknik Filigree ini, ketekunan dan kesabaran amat diperlukan kerana ia hanya melibatkan dawai-dawai halus yang akan dicantum menjadi barang kemas perhiasan diri. Barang kemas seperti cincin, rantai tangan, rantai kaki, kerongsang dan anting-anting yang dihasilkan dengan kaedah ini adalah unik dan amat istimewa serta mempunyai daya tarikannya yang tersendiri. Hasil keseniannya juga mempunyai keistimewaan dan mutu yang tinggi yang menjadi kebanggaan sejak turun temurun.